

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMINAR ON LAW AND ENFORCEMENT - THE CASE OF MISSING GIRLS
Lokasi : HOTEL FEDERAL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 17-08-1991

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan seminar pada pagi ini. Saya difahamkan bahawa beberapa kertas kerja tentang beberapa perkara berkaitan dengan masalah kehilangan anak-anak gadis akan dibentangkan serta perbincangan mengenai undang-undang berkaitan dengannya diadakan.

2. Masalah kehilangan anak-anak gadis adalah satu perkara yang memilukan perasaan ibu bapa dan keluarga yang terbabit.

Kebanyakan anak-anak gadis ini telah dipujuk dan dibawa lari dari rumah oleh pejenayah-penjenayah. Ibu bapa sering merasa terharu, pilu, sedih dan sayu atas kehilangan anak-anak mereka. Dalam hal ini apakah tindakan undang-undang ataupun usaha-usaha yang patut diambil oleh keluarga berkenaan? Bagaimanakah proses undang-undang harus dimulakan? Ini adalah di antara perkara-perkara yang patut dibincangkan di seminar ini.

3. Dewasa ini, statistik mengenai anak-anak gadis yang dilaporkan hilang kian meningkat. Masalah kehilangan anak-anak gadis melibatkan semua bangsa dan terdiri daripada beberapa lapisan kaum dan masyarakat di negara ini. Hal ini merisaukan ibu bapa, kumpulan-kumpulan wanita dan juga seluruh orang awam di negara ini. Kebimbangan, kecemasan dan adakalanya ketakutan mengenai hal tersebut timbul kerana kebanyakan daripada anak-anak gadis yang hilang kemudiannya diketahui ataupun dijumpai terlibat dalam hal-hal maksiat seperti pelacuran. Dalam beberapa kes anak-anak gadis yang hilang itu telah pula diseludup ke luar negeri.

4. Anak-anak gadis yang hilang daripada rumah disebabkan oleh beberapa faktor berkaitan dengan ciri-ciri masyarakat itu sendiri. Ini berkaitan rapat dengan tahap pembangunannya. Sesuatu negara yang sedang membangun biasanya mengalami proses perindustrian yang melibatkan peningkatan sektor perkilangan. Di samping itu juga akan berlaku beberapa perubahan di dalam nilai-nilai masyarakat.

5. Kadangkala nilai-nilai masyarakat serta juga cara hidup sesuatu keluarga itu berubah tetapi mungkin tidak dapat disesuaikan dengan proses pembangunan negara. Dalam hal ini masalah kekeluargaan akan timbul. Ramai anak-anak gadis yang berasal dari luar bandar dan bandar-bandar kecil akan berhijrah ke bandar-bandar besar dan mereka jarang dapat menyesuaikan diri dengan penghidupan di bandar. Ini berlaku lebih-lebih lagi apabila masalah kekeluargaan menyelubungi anak-anak gadis tersebut dan mereka senang dipengaruhi oleh orang-orang yang ingin menjerumuskan anak-anak gadis ini ke jurang maksiat.

6. Seringkali juga terdapat keluarga-keluarga yang miskin yang tidak dapat memberi tunjukajar dan bimbingan yang wajar kepada anak-anak gadis mereka. Apabila anak-anak gadis ini datang ke bandar-bandar besar mereka senang terlibat dalam masalah masyarakat bandar. Terdapat ramai orang yang akan mengambil kesempatan untuk melibatkan anak-anak gadis di dalam perkara-perkara maksiat di bandar-bandar. Justeru itu masalah kekeluargaan tidak lagi senang diselesaikan.

Perkara ini akan berlaku dengan hebat lagi apabila perhubungan di antara anak-anak gadis dengan ibu bapa mereka menjadi runcing. Ibu bapa yang miskin lazimnya terlalu sibuk dengan masalah kehidupan seharian sehinggakan mereka tidak mempunyai masa untuk membimbing anak-anak gadis mereka. Anak-anak gadis daripada keluarga seperti ini sangat mudah digoda oleh orang yang mengambil kesempatan untuk melibatkan mereka dalam kegiatan maksiat seperti pelacuran dan sebagainya.

7. Masalah berkaitan dengan kehilangan anak-anak gadis adalah satu masalah masyarakat. Umumnya masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang teguh serta bermoral tinggi yang disokong oleh kepercayaan dan keagamaan adalah masyarakat yang dapat mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara

buruk seperti penglibatan anak-anak gadis ke jurang maksiat.

8. Oleh demikian undang-undang negara mempunyai peranan penting dalam masyarakat daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini itu. Jika undang-undang tersebut dapat dikuatkuasakan dengan sepenuhnya maka sudah tentu orang yang mencuri anak-anak gadis tersebut daripada pangkuan keluarga dan masyarakat akan dapat dihukum dengan sewajarnya.

Hukuman yang lebih keras patut dikenakan ke atas mereka yang bersalah bagi mengurangkan kegiatan-kegiatan melarikan anak- anak gadis.

9. Kini terdapat undang-undang yang mampu melindungi masyarakat, terutama anak-anak gadis dan kaum wanita, daripada penjenayah yang berniat untuk mengambil kesempatan memancing mereka untuk kegunaan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral. Undang-undang tersebut telahpun mengambilkira kecanggihan pergolakan orang-orang yang tidak bertanggungjawab itu yang mahu melibatkan anak-anak gadis dalam aktiviti-aktiviti buruk.

10. Walau bagaimanapun sejauh manakah keberkesanan undang- undang tersebut dalam hal ini? Setakat ini didapati banyak lagi masalah yang berkaitan dengan kehilangan anak-anak gadis yang belum dapat diselesaikan di mahkamah. Khususnya, sanggupkah anggota polis membuat penyiasatan yang rapi serta mengambil tindakan yang berkesan ke atas penjenayah- penjenayah yang terlibat dalam kehilangan anak-anak gadis yang tidak dapat ditentukan kesudahannya.

11. Saya percaya pihak polis juga ingin mengetahui bagaimana mereka akan dapat membantu dalam hal penyelesaian masalah masyarakat ini. Kadangkala orang ramai termasuk ibu bapa merasa curiga untuk memberi maklumat dan keterangan yang boleh digunakan sebagai bukti dalam perbicaraan bagi kes-kes percolekan anak-anak gadis. Akan tetapi tanpa bukti yang mustahak pihak penguasa tidak akan dapat menggunakan tindakan undang undang untuk menghukum orang yang terlibat dalam penjenayah mencolek anak-anak gadis tersebut.

12. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur seminar ini, dalam kegigihan usaha mereka untuk mendapatkan pakar- pakar yang mahir dalam perkara-perkara berkaitan dengan tajuk seminar pada hari ini. Saya harap seminar ini akan dapat mengutarakan cadangan-cadangan yang bernas supaya kita semua, sebagai ahli masyarakat, dapat tinggal dalam suasana yang sihat dan aman. Ini adalah faktor penting untuk membolehkan kita mengorak langkah ke tahap yang lebih maju dan dinamik selaras dengan cita-cita kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

13. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan seminar ini yang bertajuk: "Law and Enforcement - the Case of Missing Girls".